

USB.01/04.02/10.01/3 (Jilid II) (95)

10 Julai 2023

**Semua Pelajar,  
Program Pengajian Separuh Masa (UTMSPACE)  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (SEE/SEEE/SKEE/SKEL)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik,  
Universiti Teknologi Malaysia**

Saudara/i,

**PEPERIKSAAN MAKMAL, FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (SKEL/SEEL3742)  
MAKMAL TAHUN 3 (KHUSUS), SEMESTER III, SESI 2022/2023**

Merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saudara diwajibkan untuk mengikuti peperiksaan makmal diatas seperti butiran berikut :

Seksyen	: Seksyen 4
Tarikh	: 18 September 2023 hingga 21 September 2023
Masa	: 8.30am hingga 5.00pm
Tempat :	Makmal Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UTM, Johor Bahru

2. Satu taklimat peperiksaan makmal akan diadakan *jam 8.00 pagi*. Manakala tempat akan diberitahu kemudian dari semasa ke semasa melalui website **UTMSPACE** atau di website makmal FKE, **UTMSPACE**. Pelajar akan diagihkan kepada kumpulan-kumpulan tertentu semasa taklimat terbabit. Satu kumpulan makmal terdiri daripada 4-5 pelajar sahaja.

3. **Pelajar yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk menjalani peperiksaan makmal. Pelajar yang tidak mendaftar subjek makmal dilarang sama sekali menjalani peperiksaan tersebut.**


4. Bagi pelajar yang datang dengan kenderaan masing-masing diingatkan **jangan meletakkan kereta dikawasan letak kereta pensyarah**. Sila letakkan kereta masing-masing di kawasan letak kereta pelajar. Kegagalan saudara/i mematuhi arahan ini akan menyebabkan saudara/i dikenakan tindakan tatatertib.

5. Kemudahan penginapan tidak disediakan oleh pihak FKE dan **UTMSPACE**. Walaubagaimanapun saudara/i boleh menghubungi kemudahan penginapan yang disenaraikan dalam website makmalspace dan membuat tempahan jika ada kekosongan. Untuk keterangan lanjut dan terkini mengenai Makmal Kejuruteraan Elektrik, sila lawati laman web kami di <https://makmalspace.fke.utm.my/> dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. MADYA. DR. KAMALUDIN BIN MOHAMAD YUSOF**

Pengurus Akademik (Program Luar)

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

UTM, Skudai

☎ 07-5557022

✉ kamalmy@fke.utm.my

**s.k** - **Pengurus Besar, Pusat Pengajian Separuh Masa**  
- **Pengurus, PPSM**  
- **Eksekutif SPA, PPSM**  
- **Penyelaras Makmal, FKE UTMSPACE**